



Lawatan ke Shree Rising Sun Academy, Dhampus, Pokhara, Nepal.

# Kajian sosiobudaya Asia bukti kecemerlangan AeU


» Universiti galak penyelidikan pelajar beri manfaat menyeluruh

Selaku satu-satunya universiti di Asia yang ditubuhkan atas inisiatif platform antarabangsa, iaitu Dialog Kerjasama Asia (Asia Cooperation Dialogue), Asia e Universiti sangat menggalakkan pelajar untuk menjalankan kajian yang mampu memberi manfaat menyeluruh, iaitu tidak hanya kepada rakyat Malaysia, malah melangkaui sempadan negara dan budaya. Satu daripadanya adalah berkenaan kelangsungan sosiobudaya, evolusi sosial, transisi sastera dan survival kemanusiaan yang telah, sedang dan mungkin berlaku di negara-negara Asia.

Menurut Pemangku Dekan Sekolah Sastera, Kemanusiaan dan Sains Sosial, Mohd Fazil Ismail, kajian berkenaan isu sosial dan kemanusiaan tiada sempadan dan tiada bermoktah sejak manusia mula berinteraksi.

**Tawar ruang pengkajian**  
Bermula daripada aspek agama, bahasa, kesenian, pendidikan, dasar hubungan luar dan ekonomi, Asia menawarkan ruang pengkajian yang sangat luas untuk mereka yang berminat.

Beliau yang baru kembali dari Kathmandu dan Pokhara di Ne-



Mohd Fazil bersama bendera AeU di Annapurna Base Camp, Nepal.

pal telah menjalankan tinjauan ringkas selama tujuh hari berkenaan budaya dan cara hidup masyarakat yang tinggal di kawasan pergunungan ke Annapurna. Sebagaimana industri pelancongan di kawasan pergunungan adalah daya tarikan utama di Nepal, kehidupan mereka yang tinggal berhampiran kawasan itu turut menjadi sesuatu yang menarik untuk dikaji.

Di Asia e University, terdapat tiga program pendidikan yang menyediakan laluan kajian berkenaan Asia, iaitu Sarjana Kemanusiaan dan Sastera (MHA), Sarjana Sains Sosial (MSS) dan

Doktor Falsafah dalam Sastera (PhD Arts). Pengambilan untuk program Sarjana dibuat tiga kali dalam setahun iaitu pengambilan semester Januari, Mei dan September, manakala untuk program Doktor Falsafah dibuka sepanjang tahun.

**Pendedahan kaedah betul**  
Pelajar akan didedahkan dengan kaedah yang betul dalam melakukan kajian sebelum mereka berada di lapangan. Selain itu AeU akan menyediakan seorang penyelia yang berkualiti dalam memberi tunjuk ajar ke arah menyediakan bahan kajian yang ber-

mutu dan memenuhi standard ditetapkan.

Antara perkara utama yang diberi perhatian dalam memilih cabang pendidikan adalah aspek ikhtisas atau pentaulihan. Sebagaimana AeU memandang serius aspek ini, semua program akademik bukan eksekutif AeU memperoleh pengiktirafan MQA.

“Pematuhan terhadap garis panduan dari Kementerian Pendidikan dan Agensi Kelayakan Malaysia adalah perkara terpenting yang diberi perhatian oleh IPTA mahu pun IPTS di Malaysia dan AeU tidak terkecuali. Kami memastikan kualiti kandungan program dan ahli akademik yang terbabit adalah bertepatan dengan peraturan ditetapkan,” ujar Mohd Fazil.

## Kibar bendera AeU

Sementelah berada di Nepal, beliau turut mengibarkan bendera AeU di Annapurna Base Camp (ABC) yang berada pada ketinggian 4,130 meter dari paras laut. AeU komited membuka peluang pendidikan secara meluas kepada pekerja sebagai memenuhi agenda negara membangunkan modal insan berkualiti.

AeU memiliki peranan yang cukup unik dalam menyediakan program yang relevan dengan kehendak industri seiring perkembangan ekonomi pada peringkat nasional dan juga global. Ketika ini AeU menawarkan lebih 30 program pengajian yang dilulus dan diiktiraf Kementerian Pendidikan dan Agensi Kelayakan Malaysia.

## INFO

### Latar belakang AeU

◉ AeU adalah sebuah universiti multinasional yang ditubuhkan bawah naungan 33 negara Asia Cooperation Dialogue Countries (ACD).

◉ AeU meraih pengiktirafan dan anugerah berprestij seperti Brand Laureate Award bagi ‘Jenama Terbaik dalam Pendidikan – e-Pembelajaran’ dalam tahun 2010; dan ‘Anugerah Keusahawanan Asia Pasifik 2010’ di bawah kategori ‘Usahawan Paling Berpotensi’. Tambahan lagi, Universiti ini turut diumumkan sebagai ‘Projek ACD terbaik’ ketika Mesyuarat ACD di Kuwait pada tahun 2012.

◉ AeU menawarkan lebih daripada 40 program akademik, daripada tahap Diploma ke Doktor Falsafah, melalui lima sekolahnya iaitu Sekolah Pengurusan (SOM), Sekolah Teknologi Maklumat & Komunikasi (SICT), Sekolah Pendidikan & Sains Kognitif (SECS), Sekolah Pengajian Sastera, Kemanusiaan dan Sains Sosial (SAHUSS) dan Pusat Pengajian Siswazah (SGS). Semua program pengajian bertaraf antarabangsa dan diukur berdasarkan tanda aras yang diluluskan Kementerian Pendidikan Malaysia serta diiktiraf oleh Agensi Kelayakan Malaysia (MQA). Semua program akademik yang ditawarkan oleh AeU turut diiktiraf oleh kebanyakan negara-negara ACD dan bukan ACD.

◉ AeU juga menawarkan lebih 200 program eksekutif dan profesional melalui School of Professional and Executive Education (SPEED) dan School of Technical Education, Engineering & Re-skilling (STEER). ◉ Semenjak penubuhannya, AeU telah menerima enrolmen pelajar seramai 19,000 dari 61 negara dan hingga berjaya menghasilkan graduan melebihi 6,000 orang. Berinspirasikan pengalaman pembelajaran yang bertaraf dunia, AeU nekad mencapai wawasannya untuk menjadi hab pendidikan utama dan pemimpin khususnya dalam pengajian e-pembelajaran yang mampu milik dan kompetitif merentas benua Asia.

◉ Selain daripada kampus di Kuala Lumpur, AeU menubuhkan rangkaian lokasi pembelajaran tempatan yang berkedudukan strategik di bandar utama serta kawasan pedalaman di seluruh tanah air.

◉ Di bawah Program Transformasi Ekonomi (ETP), AeU telah dilantik sebagai ‘Gateway University’ oleh Kerajaan Malaysia, sebagai pengiktirafan ke atas usaha universiti dalam memacu kaedah e-pembelajaran pada peringkat global. Ia juga dikenali sebagai Entry Point Projects (EPP 6) iaitu sebahagian daripada Program Transformasi Kerajaan (GTP) dalam mempromosi pendidikan jarak jauh pada peringkat antarabangsa.

◉ Untuk maklumat lanjut, hubungi 1 300 300 238, atau memohon secara atas talian di [www.aeu.edu.my](http://www.aeu.edu.my).